

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci kaedah yang digunakan dalam pengiraan harga jualan petrol RON95, RON97 dan diesel di Malaysia. Kenapakah dalam keadaan harga minyak mentah dunia setong yang kurang daripada USD30, harga petrol masih dianggap tinggi di Malaysia.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit RON95 dan diesel mengikut harga pasaran berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism*

(APM) mulai 1 Disember 2014. Langkah ini selaras dengan kaedah yang sama diguna pakai bagi penetapan harga runcit RON97 yang dilaksanakan terlebih dahulu sejak Julai 2010. Berdasarkan kaedah ini, perubahan harga runcit petrol dan diesel di negara ini dibuat sebulan sekali iaitu mulai setiap 1 haribulan.

Antara komponen utama formula APM yang mempengaruhi penetapan harga runcit petrol dan diesel ialah komponen kos sebenar setiap produk petroleum yang telah siap diproses (*refined product*) yang mana termasuklah kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Ini memandangkan urusan dagangan minyak di pasaran dunia adalah dilakukan dalam nilai mata wang US dolar, maka penyusutan nilai tukaran mata wang ringgit berbanding US dolar pada kedudukan masa kini turut mempengaruhi harga runcit semasa berdasarkan formula APM. Sebagai contoh, purata kos produk bagi RON95 yang telah siap diproses adalah lebih tinggi sebanyak USD21 sehingga USD23 setong pada ketika harga minyak mentah di pasaran dunia berada dalam lingkungan USD28 setong menjadikan kos sebenar produk berada pada antara USD49 (USD21+USD28) dan USD51 (USD23+USD28).

Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN JULIAN TAN KOK  
PING [ STAMPIN ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penggunaan peruntukan di kawasan Parlimen Stampin semenjak GE13 secara terperinci dan dari segi perbelanjaan setiap Ringgit Malaysia.

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Pilihan Raya Umum ke-13 hingga tahun 2015, sebanyak RM1.27 juta telah dibelanjakan bagi kawasan Parlimen Stampin yang meliputi pelaksanaan pelbagai kategori 134 program/projek seperti bantuan kebajikan dan kecemasan, program sosial masyarakat, membekalkan peralatan dan kelengkapan, dan bantuan kepada pusat kegiatan masyarakat/orang ramai.

Berdasarkan kepada jumlah perbelanjaan tersebut, bagi tahun 2013 sebanyak RM0.32 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 11 program/projek, manakala bagi tahun 2014 pula, sebanyak RM0.5 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 22 program/projek. Bagi tahun 2015, sebanyak RM0.44 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 101 program/projek di kawasan Parlimen berkenaan.

Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek ini di kawasan berkenaan adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Sekian. Terima kasih.